



## Rajin dan Usaha Tangga Kejayaan



### Mendengar dan Bertutur

#### Tokoh Penternakan



##### Sebab menternak

- permintaannya tinggi

##### Keistimewaan ayam organik

- bebas daripada bahan kimia

##### Pasaran

- hotel dan kedai makan  
ayam kampung tidak makan  
bahan kimia.

Hasan: Selamat pagi, Elis.

Elis: Selamat pagi, Hasan. Dr. Mohamad Zainol ialah tokoh penternak ayam kampung organik.

Hasan: Elis, Mengapakah beliau menternak ayam itu?

Elis: Beliau menternak ayam itu kerana permintaannya tinggi dan banyak orang suka akan ayam kampung.

Hasan: Apakah keistimewaan ayam kampung organik?

Elis: 😊 Ayam tersebut...

Hasan: Oh, begitu! Elis, ke manakah ayam itu dipasarkan?

Elis: 😊 Ayam itu dipasarkan ke...

Hasan: Adakah ayam kampung organik ini baik untuk kesihatan. Mengapa?

Elis: Ya, kerana ...

Hasan: Baru saya faham. Terima kasih, Elis.



#### Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan bercapah.

##### Nota Guru

- Murid mendengar dan memberikan respons.
- Murid membuat simulasi berdasarkan bahan di atas.

Strategi: KB – Merumuskan  
EMK: Nilai Murni – Menjaga kesihatan

KP: Verbal-Linguistik

1.1.3 (i)  
BA2: 61





## Tema 7: PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

### Rajin dan Usaha Tangga Kejayaan

#### Aktiviti 1

Lengkapkan teks, kemudian lakukan simulasi.

#### Kolam Kanvas Ikan Puyu Datuk

Dia memasang kanvas kerana senang dipasang dan senang dialih.

sedang membuat kolam ikan.

Datuk saya memelihara ikan puyu.

Ikan puyu itu dijual kepada peraih.

Rizan: Apakah yang dibuat oleh datuk kamu?

Osman: Datuk saya \_\_\_\_\_.

Rizan: Mengapakah dia memasang kanvas?

Osman: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Rizan: Apakah ikan yang dipelihara oleh datuk kamu?

Osman: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Rizan: Ikan itu dijual kepada siapa?

Osman: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.



Minta murid mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap soalan bercapah.

1.1.3 (i)  
BT2: 55

